

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO
(KLANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.10.2017

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [KLANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan belia yang telah muflis. Apakah rancangan Kerajaan untuk menolong golongan belia dan menjadi muflis ini dan dapatkah Kementerian cadangkan supaya modul pengurusan kewangan (financial planning) dimasukkan ke dalam silibus sekolah rendah dan menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan program pendidikan kewangan bagi pelbagai

peringkat usia untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia. Mulai tahun 2014, BNM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah mula memperkenalkan elemen pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah rendah. Pada tahun ini, program ini telah mula dilaksanakan di sekolah menengah. Menjelang 2021, semua peringkat persekolahan akan didedahkan kepada elemen pendidikan kewangan di dalam kurikulum pembelajaran mereka.

Modul pengurusan kewangan peribadi di institusi pengajian tinggi pula dilaksanakan dengan kerjasama antara Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah anak syarikat BNM dan institusi pengajian tinggi tertentu. Usahasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi sedang diperkasakan bagi memastikan pendidikan kewangan diperkenalkan di semua institut pengajian tinggi awam dan swasta seluruh negara.

AKPK juga menjalankan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (*POWER!*) dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia, terutamanya golongan belia dan mereka yang baru mula membuat pinjaman. Program ini memberi pengetahuan dan kemahiran kewangan yang praktikal tentang pengurusan wang dan hutang, serta

kaedah untuk membuat keputusan kewangan yang lebih wajar dan bertanggungjawab. Program-program sebegini akan dapat membantu mengelakkan golongan belia daripada menjadi muflis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 43

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula peranan dan tanggung jawab SPAD supaya tidak berlaku pertindihan dengan tugas dan tanggungjawab Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, tiada pertindihan kuasa antara JPJ dan SPAD. Bidang kuasa JPJ adalah tertakluk kepada Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987. SPAD pula adalah tertakluk kepada Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 di mana bidang kuasanya adalah dalam mengendalikan dan menguruskan permit kenderaan perdagangan serta menguatkuasakan pematuhan permit. Manakala JPJ pula mengendalikan dan menguruskan tanggungjawabnya sebagai jabatan untuk melesenkan semua pemandu dan kenderaan serta melaksanakan penguatkuasaan seperti mana kuasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Seterusnya, antara langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan tiada pertindihan bidang kuasa dan sistem saman yang tidak diselaraskan antara SPAD, PDRM dan JPJ adalah dengan penyediaan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi tujuan menyelaraskan dan mengagih tugas penguatkuasaan dan mengikut bidang kuasa sedia ada. Satu sistem juga sedang dibangunkan untuk mengintegrasikan maklumat saman antara JPJ, PDRM dan SPAD agar tindakan dapat diambil dengan lebih cekap dan berkesan.